

BAB 1

PENGENALAN

1.1Pendahuluan

“Yang er fang lao” (养儿防老) adalah salah satu daripada pepatah masyarakat Cina. Jika diterjemahkan secara literal, “yang” maknanya “bela”, “er” adalah “ anak’ (lelaki), “fang” adalah “cegah”, “lao” maknanya “tua”. Makna keseluruhan pepatah ini membawa maksud “memelihara anak untuk persediaan masa tua”. Pepatah ini sering digunakan oleh golongan tua bagi mengingatkan generasi muda supaya tidak mengabaikan perihal memiliki anak dalam keluarga. Pentingnya seseorang anak dilahirkan dalam sesebuah keluarga (terutamanya anak lelaki) bukan sahaja untuk menyambung zuriat keluarga, tetapi juga untuk kepentingan kedua-dua ibu bapa pada usia tua di kemudian hari. Ini adalah sebab apabila usia ibu bapa semakin meningkat dan menjadi uzur, anak adalah orang yang bakal menjaga ibu bapa yang sudah tua. Seseorang individu mempunyai persepsi bahawa keluarga yang mempunyai anak adalah keluarga yang sempurna dan kehidupan serta masa depan ibu bapa yang semakin menjangkau usianya akan lebih terjamin. Individu yang berpendapat demikian mempunyai tanggapan bahawa anak lelaki yang sudah berkahwin akan tinggal bersama dengan ibu bapa dan melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga mereka.

Persepsi dan sosial hidup seperti ini telah berubah pada zaman sekarang. Kebanyakan generasi muda sekarang tidak lagi tinggal bersama orang tua mereka, terutamanya selepas mereka mendirikan rumahtangga. Keadaan ini bukan sahaja berlaku pada masyarakat kaum Cina yang terkenal dengan konsep “xiao” (*filial piety*) dalam falsafah *Confusius* iaitu nilai ketaatan kepada ibu bapa, juga pada masyarakat kaum yang lain. Konstruksi sosial zaman sekarang lebih menuju ke arah “keluarga nuklear”, iaitu keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak. Generasi muda kini ingin hidup

bersendirian dengan keluarga mereka, tanpa kehadiran ibu bapa mereka. Faktor-faktor seperti jarak tempat tinggal, ruangan tempat tinggal, masalah interaksi keluarga anak dengan ibu bapa menjadi faktor-faktor seseorang anak tidak lagi tinggal serumah dengan ibu bapa.

Ibu bapa yang tua tetapi sihat dapat tinggal bersendirian walaupun tanpa bantuan anak-anak. Namun, masalah timbul sekiranya ibu bapa menjadi uzur dan sakit. Pada zaman sekarang kebanyakan suami isteri sibuk dengan pekerjaan masing-masing. Kekurangan masa dan beban kerja hidup merupakan punca utama generasi muda menghantar warga tua ke rumah warga emas. Rumah warga emas menjadi tempat yang popular untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Rumah warga emas (*Old Folks Home*) ditafsirkan sebagai “sejenis hospital di mana orang tinggal di dalam dan dijaga”. Ini bertepatan dengan penerangan dalam Kamus Oxford (*Oxford Dictionary*, 2001) yang berbunyi “*type of hospital in which people live and are cared for*”. Di rumah warga emas, warga tua dijaga oleh pekerja-pekerja yang disebut sebagai penjaga (*care taker*). Penjaga memainkan peranan yang penting dalam sesebuah rumah warga emas. Penjaga merupakan tenaga kerja yang utama untuk menjaga kehidupan seharian semua penghuni seperti menguruskan perkara-perkara seperti makan minum, kesihatan dan kebersihan setiap warga emas. Maka, selain daripada ahli keluarga sendiri, penjaga merupakan orang yang paling kerap berhubung dan berkomunikasi dengan warga tua.

Kajian lepas (contoh Yoong, 2006; la Tourette dan Meeks, 2000; Coupland, Coupland dan Giles, 1991 dan Ryan, Giles, Bartolucci & Henwood, 1986) telah membuktikan bahawa seseorang dewasa sering menggunakan *elderspeak* ketika berkomunikasi

dengan orang tua. *Elderspeak* adalah istilah yang memerujuk kepada penggunaan bahasa seperti bercakap dengan kanak-kanak apabila berinteraksi dengan orang tua (lihat Bab 2.3.1).

Justeru itu, untuk mengkaji penggunaan bahasa pertuturan terhadap golongan tua, pengkaji telah memilih rumah warga emas sebagai tempat kajian untuk meneliti samada penjaga menggunakan *elderspeak* ketika bertutur dengan warga warga dalam perbualan seharian.

1.2 Objektif Kajian

Untuk mengkaji bagaimana kebanyakan orang bertutur dengan orang tua, pengkaji telah memilih penjaga dan warga emas di sebuah rumah warga emas sebagai sampel kajian. Ini adalah sebab rumah warga emas merupakan tempat orang-orang tua berkumpul. Objektif kajian ini adalah untuk :

- a. Mengenalpasti ciri-ciri *elderspeak* dalam wacana penjaga di rumah warga emas.
- b. Mengkaji kekerapan ciri-ciri *elderspeak* yang wujud dalam wacana penjaga.
- c. Meninjau sebab penggunaan ciri-ciri *elderspeak* wujud dalam wacana penjaga.

1.3 Persoalan kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji persoalan mengenai:

- a. Adakah *elderspeak* wujud dalam wacana penjaga di dalam rumah warga emas?
- b. Apakah ciri-ciri *elderspeak* yang wujud dalam wacana penjaga di dalam kajian ini?
- c. Apakah tujuan penggunaan ciri-ciri *elderspeak* yang wujud dalam wacana penjaga?

Melalui tinjauan persoalan kajian ini, pengkaji berhasrat memperolehi dapatan kajian yang memberi sumbangan dalam kajian penggunaan bahasa terhadap golongan warga emas serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai komunikasi yang lebih efektif dan harmoni ketika berkomunikasi dengan golongan warga emas.

1.4 Kepentingan Kajian

Bertutur adalah amalan sosial kehidupan masyarakat. Pertuturan terbentuk melalui penggunaan bahasa. Aktiviti bertutur boleh dikatakan sebagai satu proses kehidupan manusia yang berterusan selagi keupayaan bertutur seseorang tidak terganggu sehingga saat akhir jangka hayatnya.

Manusia perlu mengalami proses penuaan. Oleh itu, menjadi tua merupakan satu proses semulajadi yang perlu dialami oleh setiap insan sejak mereka dilahirkan, tidak kira bangsa, status, tahap pendidikan mahupun kekayaan.

Menurut anggaran yang telah dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dalam laporan Sin Chew Jit Poh (2 Mac 2009), Malaysia bakal mempunyai kira-kira 9.9 peratus atau 1.2 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas daripada jumlah populasi menjelang 2020 berbanding dengan 6.3 peratus pada masa kini. Justeru itu, kajian mengenai penggunaan bahasa pertuturan terhadap warga emas dirasakan penting dilakukan untuk meninjau fenomena bahasa yang dituturkan terhadap golongan warga emas.

Persoalan kajian ini juga berhubung rapat dengan kehidupan sosial kita dan bukan satu entiti luar kehidupan kita. Kita perlu prihatin terhadap cara pertuturan kita terhadap orang tua di sekeliling kita walaupun kita belum sampai ke peringkat lanjut usia sebab satu hari nanti kita pula akan mengambilalih peranan sebagai orang tua. Komunikasi

pada masa tua (*later life*) adalah penting memandangkan kita semua akan mengalami peringkat penuaan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat mendalami ilmu penjagaan ibu bapa serta warga emas di sekeliling kita, juga dapat membantu kita untuk memperbaiki cara berkomunikasi dengan golongan tua.

Kajian ini fokus kepada penggunaan bahasa oleh penjaga dalam wacana yang wujud secara spontan di sebuah rumah warga emas. Kajian ini memberi pendedahan mengenai fenomena sebenar komunikasi verbal antara penjaga dengan warga emas dalam wacana harian di dalam sebuah rumah warga emas. Dapatan kajian ini akan meninjau sejauhmana ciri-ciri elderspeak diaplikasi oleh penjaga di sesebuah rumah warga emas.

Adalah diharapkan bahawa kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan atau memberi inspirasi dalam proses-proses perancangan, persediaan serta pelaksanaan yang lebih teliti dan menyeluruh di dalam bidang yang berkaitan, supaya mewujudkan komunikasi yang berkesan dan harmoni di antara masyarakat dengan golongan warga emas.

1.5 Definisi / Istilah-istilah

Istilah-istilah berikut digunakan sebagai rujukan dan terhad dalam skop kajian ini sahaja.

Warga Emas

Menurut takrifan yang dibuat di “*World Assembly On Aging in 1982*” di Vienna, warga tua adalah merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun ke atas. Dalam kajian ini, warga tua dikenali sebagai warga emas dan didefinisikan sebagai individu atau penghuni yang telah berumur 65 tahun ke atas dan membayar untuk tinggal di dalam

rumah warga emas. Terma penghuni juga merujuk kepada warga emas dalam kajian ini.

Penjaga

Penjaga dalam kajian ini merujuk kepada orang-orang yang bekerja dan menerima gaji di dalam pusat penjagaan warga emas. Ini termasuk pemilik atau pengurus, jururawat, pekerja yang menjaga warga emas serta tukang masak dalam rumah warga emas kajian ini.

Wacana

Mengikut *Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* (1993:111), istilah ‘*discourse*’ (wacana) bermaksud:

“a general term for examples of language use, i.e. language which has been produced as the result of an act of communication”.

Maksud wacana dalam Kamus Linguistik (1997:223) adalah:

“unit bahasa lengkap dan tertingi yang terdiri daripada deretan kata atau kalimat, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, yang dijadikan bahan analisis linguistik”.

Asmah Haji Omar (1980:11) memberi takrifan wacana sebagai unit bahasa yang terdiri daripada ayat, ceraihan bab, buku, siri buku dan sebagainya yang memperlihatkan kesatuan dan hubungan di antara butir-butir fikiran dan perkembangan akaliah.

Menurut Stubbs (1983:1), analisis wacana merujuk kepada kajian organisasi bahasa yang melangkaui peringkat ayat atau klausa. Analisis wacana juga digunakan untuk

meneliti penggunaan bahasa dalam konteks sosial serta interaksi atau dialog antara penutur.

Wacana dalam kajian ini merujuk kepada penggunaan bahasa dalam bentuk pertuturan, percakapan dan ujaran dan ayat.

Elderspeak

Elderspeak merujuk kepada laras bahasa yang digunakan semasa kita berinteraksi dengan orang yang berusia lebih tua. Laras bahasa ini menggunakan intonasi yang berlebih-lebih, pic dan volum yang tinggi, perkataan atau ungguan yang berulang-ulang, kosa kata dan bahasa yang ringkas serta pengubahsuaian bahasa kepada bahasa pertuturan kanak-kanak ketika bertutur dengan orang yang lebih tua (Kemper, Anagnopoulos, Lyons & Heberlein, 1994).

Kod Menindas

Kod merupakan terma untuk menggantikan bahasa, kelainan bahasa (*speech variety*) atau dialek (*Dictionary Of Language Teaching & Applied Linguistics*, 1993:56). Kod menindas dalam kajian ini berasal daripada istilah "*patronize*". Menurut Wiktionary (2007), istilah "*patronize*" didefinisikan sebagai "treat as inferior unduly, talk down to, treat condescendingly". Kod menindas kajian ini adalah merujuk kepada bahasa, dialek yang menggunakan item leksikal yang membawa makna merendah-rendahkan atau menghina (*patronizing*).

Nama Julukan

Nama julukan dalam kajian ini merujuk kepada nama atau gelaran yang digunakan ke atas seseorang individu di samping namanya sendiri atau sebagai ganti nama

sebenarnya. Menurut definisi Kamus Dewan (2005:642), nama julukan adalah nama yang diberi untuk ejekan.

Nama julukan adalah sinonim dengan istilah '*nickname*' dalam Bahasa Inggeris dan didefinisi dalam Oxford Dictionary (2001) sebagai:

“nama biasa atau lucu yang diberi kepada seseorang sebagai ganti atau di samping namanya sendiri, sering kali bentuk ringkas nama sebenar ataurujukan kepada watak seseorang”.

Soalan Ekoran

Soalan Ekoran dalam kajian ini adalah merujuk kepada soalan tempelan atau ayat tanya tag (*tag question*). Asmah Haji Omar (1993:392) menamakan ayat tanya tag sebagai pertanyaan tempelan, yakni pertanyaan yang ditampelan kepada ayat berita atau ayat perintah. Soalan ekoran dalam kajian ini ditempelkan dengan partikel “isn't it”, “kan” (bukan), “ha”, “ah”, “mei” dan “ho”.

Soalan Pilihan

Soalan pilihan adalah merujuk kepada ayat tanya alternatif (*alternative question*). Menurut Nik Safiah Karim (1977:155), soalan pilihan adalah soalan yang terdiri daripada dua atau lebih kemungkinan, misalnya: “Awak pergi atau tidak?”.

Soalan Retorik

Soalan retorik merujuk kepada *rhetorical question*. Soalan retorik adalah pertanyaan yang ditanya hanya untuk kesan dramatik dan bukan untuk mencari jawapan. Mengikut *Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* (1993:316), soalan retorik diberi maksud sebagai:

“a forceful statement which has the form of a question but which does not expect an answer. For example, ‘What difference does it make?’, which may function like the statement, ‘It make no difference’.”

Menurut Wikipedia (2008), definisi soalan retorik adalah:

“A rhetorical question is a figure of speech in the form of a question posed for its persuasive effect without the expectation of a reply (ex: "Why me, Lord?").

(Wikipedia, 2008)

Soalan Ya/Tidak

Soalan ya/tidak merujuk kepada soalan yang hanya memerlukan jawapanan “ya” atau “tidak” dalam ayat yang ditanya. Mengikut *Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* (1993:411), soalan ya/tidak adalah *“a question that can be answered with Yes or No, such as a question formed with a modal verb or an auxiliary verb”*. Soalan ya/tidak juga digunakan untuk bertanyakan sama ada sesuatu itu benar atau tidak.

1.6. Tempat Kajian

Tempat kajian ini adalah di sebuah rumah warga emas swasta. Organisasi rumah warga emas ini terdiri daripada penjaga dan warga emas.

1.6.1 Penjaga di rumah warga emas

Terdapat seramai 12 penjaga di dalam rumah warga emas ini. Umur penjaga adalah di antara 30 hingga 56 tahun. Mereka ini terdiri daripada kaum Cina, India, Melayu dan Indonesia. Penjaga- penjaga ini mempunyai latar belakang agama yang berlainan. Semua penjaga dapat menguasai lebih daripada satu jenis bahasa atau dialek. Mereka

menggunakan bahasa Mandarin, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan dialek-dialek seperti Kantonis, Hakka, Hokkien ketika berkomunikasi dengan warga emas.

Penjaga rumah warga emas memakai T-shirt khas sebagai pakaian seragam mereka. Masa bekerja penjaga adalah mengikut syif. Terdapat 3 syif bekerja iaitu pukul 6.00 pagi hingga 2.00 petang, pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam dan pukul 10.00 malam hingga 6.00 pagi.

Dari segi pembahagian kerja, pengurus, jururawat dan tukang masak merupakan pekerja yang mempunyai tugas khas. Tugas penjaga yang lain adalah sama iaitu menjaga segala keperluan warga emas dan kebersihan rumah warga emas (sila lihat Jadual 1.1). Walaubagaimanapun, pengurus, jururawat dan tukang masak sering menghulurkan bantuan kepada penjaga lain semasa kekurangan tenaga pekerja seperti menyuap makanan, mengambil air dan sebagainya.

Jadual 1.1 Pembahagian Tugas Penjaga

Peranan	Tugas / Tanggungjawab
Pengurus	<ul style="list-style-type: none">-Mengurus pentadbiran rumah warga emas.-Menguruskan segala hal yang berkaitan dengan kewangan-Membeli stok makanan dan barangan keperluan-Menyimpan dan menguruskan fail-fail peribadi dan kesihatan warga emas-Menyemak jenis ubat dan kuantiti yang perlu diambil oleh warga emas-Menjaga kesihatan semua penghuni-Membuat temujanji perubatan bagi pihak warga emas-Mengaturkan pengangkutan warga emas ke hospital-Menghubungi ahli keluarga warga emas sekiranya perlu

Jadual 1.1, sambungan

Jururawat	<ul style="list-style-type: none">-Memeriksa tekanan darah setiap warga emas sebanyak dua kali sehari-Mengenalpasti warga emas yang perlu mengambil ubat dan memberi ubat kepada mereka-Membersihkan luka warga emas-Meningatkan warga emas mengenai temujanji perubatan-Mengendalikan senaman pagi
Tukang masak	<ul style="list-style-type: none">-Memasak dua hidangan iaitu makan tengahari dan makan malam.-Menyediakan sarapan pagi dan minum petang-Membeli makanan yang perlu dimasak setiap hari-Menjaga kebersihan dapur
Pekerja	<ul style="list-style-type: none">-Menguruskan segala keperluan warga emas seperti mandi, tukar kain lampin, menyuap makanan, menghidangkan makanan dan minuman-Memerhatikan warga emas supaya tidak jatuh-Membantu dan menjaga warga emas untuk senaman-Membasuh pakaian warga emas-Menyapu dan mop lantai dua kali sehari-Menjaga kebersihan dan keceriaan rumah warga emas

1.6.2 Warga emas

Terdapat seramai 39 penghuni yang tinggal di dalam rumah warga emas yang dipilih. Warga emas yang paling tua berumur 97 tahun dan umur yang paling muda adalah 65 tahun. Warga emas tersebut dihantar ke rumah warga emas atas beberapa sebab. Majoriti warga emas dihantar masuk ke rumah warga emas adalah sebab keluarga mereka tidak mampu menjaga mereka kerana anak-anak atau menantu bekerja, tidak ada orang dewasa menjaga mereka di rumah, tidak ingin mengupah orang gaji atas sebab-sebab tertentu, warga emas telah uzur dan tidak dapat menguruskan hal-hal peribadi, warga emas menghadapi penyakit dan memerlukan penjagaan khas, anak-anak telah berhijrah ke luar negara dan tidak ingin membawa warga emas bersama. Terdapat

juga warga emas yang bujang dan tinggal berseorangan. Mereka terpaksa tinggal di rumah warga emas kerana tidak mempunyai keluarga atau anak untuk menjaga mereka.

Keadaan kesihatan warga emas berbeza-beza. Terdapat 4 kategori keadaan kesihatan fizikal warga tua iaitu warga emas yang boleh berjalan tanpa bantuan, warga emas yang tidak boleh berjalan dan perlu menggunakan kerusi roda, warga emas yang tidak boleh berjalan dan tidak mampu bangun atau duduk tanpa bantuan serta warga emas yang sakit dan terlantar. Bayaran yang dikenakan ke atas warga emas adalah berlainan mengikut keadaan kesihatan mereka. (sila lihat Jadual 1.2)

Jadual 1.2 Bayaran Bulanan Penghuni Rumah Warga Emas

Keadaan Kesihatan Warga Tua	Bayaran Yang dikenakan (setiap bulan)
<p>Mampu berjalan tanpa bantuan orang lain.</p> <p>Boleh menguruskan hal-hal seperti mandi, makan dan minum, pergi ke tandas.</p>	RM 800.00
<p>Tidak boleh berjalan tanpa bantuan orang lain atau kerusi roda.</p> <p>Tidak mampu menguruskan hal-hal seperti mandi, makan dan minum, pergi ke tandas.</p> <p>Terlantar sebab uzur atau sakit</p>	RM 1300.00

Bayaran di atas merupakan bayaran penjagaan yang asas, tidak termasuk bayaran untuk barangan runcit dan barangan keperluan seperti sabun mandi, tisu tandas, ubat gigi, tuala, ubat, perkhidmatan menghantar ke hospital dan sebagainya.

Terdapat satu jadual rutin harian yang telah ditetapkan oleh pihak rumah warga emas. Aktiviti sepanjang hari warga emas adalah mengikut aktiviti yang disenaraikan di dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 Aktiviti Harian Warga Emas

Masa	Aktiviti
6.30-7.30 am	Gosok gigi, mandi.
7.30-8.30 am	Sarapan pagi
8.30-9.30 am	Senaman pagi
9.30-10.30 am	Pemeriksaan tekanan darah, pengambilan ubat, pemeriksaan kesihatan oleh jururawat.
10.30-11.30 am	Masa bebas, menonton TV, video, permainan dalaman, mendengar radio, bersebang dan lain-lain.
11.30am-12.30pm	Makan tengahari
12.30 pm- 2.30pm	Masa bebas, pengambilan ubat, bersebang, tidur petang.
2.30pm-3.00pm	Minum petang
3.00pm-5.00pm	Masa bebas, pemeriksaan tekanan darah untuk warga emas tertentu.
5.00pm-6.00pm	Makan malam
6.00pm-7.00pm	Senaman berjalan-jalan di halaman depan
7.00pm-10.00pm	Masa bebas, bersebang dan lain-lain.
10.00pm	Beristirehat

Sepanjang pemerhatian pengkaji di rumah warga emas, didapati bahawa rutin di atas tidak diikuti sepenuhnya oleh penghuni. Selain daripada masa bangun, makan dan pemeriksaan kesihatan, pihak rumah warga emas memberi kebebasan tertentu kepada penghuni. Sebagai contoh, warga emas yang tidak ingin menyertai senaman pagi atau senaman petang tidak akan dipaksa untuk berbuat demikian. Penjaga akan menggalakkan penghuni untuk bersenam tanpa memaksa mereka. Seseengah warga emas yang tidak dapat tidur dan ingin menonton TV selepas pukul 10.00 malam dibenarkan untuk berbuat demikian.

Semua warga emas dibenarkan keluar rumah warga tua atau balik ke rumah jika dibawa oleh anak-anak atau saudara mara yang terdekat yang telah dimaklumkan semasa mereka berdaftar sebagai penghuni di rumah warga emas. Ada juga warga emas yang dibawa pulang ke rumah setiap hujung minggu atau semasa perayaan Tahun Baru Cina.

1.7 Bidang dan Batasan Kajian

Bidang kajian ini adalah fokus kepada penggunaan bahasa secara verbal oleh penjaga di rumah warga emas. Penggunaan bahasa merujuk kepada cara seseorang penjaga bertutur dengan warga emas berdasarkan penggunaan lesikal dalam ayat atau ujaran yang dituturkan. Penjaga pula adalah merujuk kepada pekerja yang menjaga warga emas dalam rumah warga emas. Ini bermaksud semua kakitangan yang bertanggungjawab menjaga penghuni warga emas iaitu pihak pengurus, jururawat dan semua pekerja diambilkira sebagai penjaga. Penghuni atau warga emas adalah merujuk kepada warga emas yang tinggal dalam rumah warga tua dan berumur 65 tahun dan ke atas.

Kajian ini hanya dilakukan di sebuah rumah warga emas di Seremban. Kajian ini melibatkan saiz sampel yang kecil sahaja, iaitu seramai 12 penjaga dan 23 warga emas. Subjek kajian ini merangkumi semua penjaga iaitu seramai 12 penjaga yang bekerja di dalam rumah warga emas. Pemilihan subjek warga emas dalam kajian adalah terhad kepada warga emas yang berupaya berkomunikasi secara verbal sahaja termasuk warga emas yang mengalami strok tetapi masih dapat berkomunikasi secara verbal dengan penjaga. Analisis data kajian adalah fokus kepada penggunaa bahasa penjaga sahaja. Segala analisis dan interpretasi adalah berpandukan data yang dikutip daripada penjaga dan warga emas yang dipilih dalam kajian ini.

Audio rekoding hanya dibuat terhadap subjek kajian iaitu penjaga dan warga emas yang dapat berkomunikasi secara verbal sahaja. Pengkaji akan meminta penjelasan atau mendapatkan maklum balas daripada subjek kajian secara spontan ketika pemerhatian dijalankan supaya menghasilkan kerja penganalisan yang lebih tepat. Nama subjek yang wujud dalam transkripsi merupakan nama samaran, bukan nama sebenar subjek. Kajian ini hanya menganalisis mengenai ciri-ciri *elderspeak* yang digunakan oleh penjaga dan fungsi penggunaan *elderspeak*. Segala dapatan kajian ini adalah tidak mewakili seluruh penjaga di seluruh Malaysia sebab hasil kajian ini hanya dihadkan kepada penjaga yang terlibat dalam kajian sahaja.

1.8 Kesimpulan

Bab ini telah membincang mengenai objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi dan istilah penting, subjek kajian serta bidang batasan kajian. Metodologi kajian dan sumber kajian akan dibincang dengan lebih terperinci di Bab 3. Pengkaji akan mengemukakan kajian perpustakaan yang berkaitan dengan penyelidikan ini dalam Bab 2.